



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 14 OKTOBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8.	MOA FOKUS MODENISASI SEKTOR PERTANIAN, NASIONAL, SH -12 MOA FOKUS USAHA MODENISASI, TAMBAH PELUANG KERJA, NASIONAL, BH -18 BUDGET ALLOCATION WILL BE USED TO MODERNISE AGRICULTURE SECTOR - SALAHUDDIN, NEWS, THE BORNEO POST -6 BUDGET ALLOCATION WILL BE USED TO MODERNISE AGRICULTURE SECTOR - SALAHUDDIN, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -5 SALAHUDDIN: CABINET AGREES ALLOCATING RM14.5 MILLION FOR UPGRADING PROJECT IN TANJUNG PIAI, NATIONA, SIN CHEW DAILY -6 AGRICULTURE MINISTER: GRANTS FOCUS ON AGRICULTURAL MODERNISATION, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2 TANJUNG PIAI FISHERMEN COMPLAINTS OF SEA RECLAMATION, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A33 AGRICULTURAL SEMINAR ON OCT 26, CENTRAL, CHINA PRESS -C4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
9.	APMM TAHAN EMPAT BOT NELAYAN ASING, SINAR NEGERI PAHANG, SH -30	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
10. 11.	POTENSI BINTANG MAS, NEWS, HEAD TOPICS -7 MARDI HASRAT JADIKAN JOHOR HAB PENGELUARAN PRODUK KLON BERKUALITI, NEWS, ASTRO AWANI -7	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
12. 13. 14. 15.	FAMA, SPRM PROMOSI PERNIAGAAN HALAL TANPA RASUAH, NASIONAL, SH -12 F&N CEBURI BIDANG PERTANIAN, TENUSU, BISNES, HM -29 PENEMPATAN TEPI PANTAI DITELAN OMBAK, NASIONAL, BH -16 GUNI PASIR, TAYAR JADI BENTENG HAKISAN, NASIONAL, BH -17	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
 KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
 (UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

MOA fokus modenisasi sektor pertanian

PONTIAN - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan menggunakan sebahagian besar peruntukan yang ditingkatkan kerajaan dalam Belanjaan 2020 bagi modenisasi sektor pertanian.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, fokus mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam sektor pertanian menjadi agenda utama kementeriannya.

"Kita akan fokus kepada beberapa program yang mampu meningkatkan pendapatan petani seperti modenisasi di mana kita akan tingkatkan kajian lebih lanjut."

"Kita juga akan memfokuskan penggunaan teknologi moden seperti *artificial intelligent* (AI) selain memastikan wujud peluang pekerjaan dalam sektor ini bagi membantu usahawan kecil keluar daripada B40 dan fokus terhadap agropreneur muda melalui geran-geran," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Kempen Penanaman Kelapa Rendah Pe-



Salahuddin (tengah) bersama wakil Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia di Dewan Tunku Ibrahim Ismail, Pekan Nenas semalam.

ringkat Kebangsaan di Dewan Serbaguna Muktam Serkat di sini semalam.

Dalam perkembangan lain, Salahuddin berkata, kementeriannya komited meningkatkan pendapatan nelayan melalui penyertaan sektor pertanian khususnya ketika berdepan musim tengkujuh.

"Nelayan yang mempunyai tanah disaran mendapatkan bimbingan kementerian untuk

menceburi bidang pertanian kerana ia dapat mengurangkan kebergantungan terhadap elutan sara hidup dan menghadapi musim tengkujuh.

Sebanyak RM5 juta diperuntukkan oleh kementerian itu menerusi program Rezeki Tani yang memberi peluang keluarga daif dan miskin tegar menerima bantuan berbentuk peralatan pertanian bernilai RM10,000.

- Bernama

FAMA, SPRM promosi perniagaan halal tanpa rasuah

SHAH ALAM - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) optimis kolaboratif bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mencapai matlamat untuk mempromosikan kepentingan perniagaan secara halal tanpa rasuah.

Pengerusinya, Ishaq Ismail berkata, kerjasama itu memperluatkan komitmen pihaknya untuk terus bersama masyarakat dan menggalakkan ahli usahawan memberi tumpuan kepada aspek perniagaan halal tersebut.

"Kita dapat melihat kejayaan melalui penganjuran program dengan agensi penting negara iaitu SPRM.

"Malah penekanan kepada perniagaan halal tanpa rasuah juga adalah aspek utama ke arah mendidik masyarakat tentang proses keberkatan dalam perniagaan," katanya pada sidang akhbar selepas program sambutan ulang tahun FAMA ke-54 dan Kempen Anti Rasu-

ah sempena ulang tahun SPRM ke-52 di Pasar Tani Seksyen 13 di sini semalam.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Latheefa Koya berkata, kerjasama antara pihaknya dengan FAMA bukan sekadar simbolik sempena sambutan ulang tahun kedua-dua agensi tersebut semata.

"Ini satu contoh, kita nak tunjuk kepada masyarakat bahawa kita boleh buat perniagaan yang halal tanpa rasuah supaya dapat berkat, insya-ALLAH," katanya.

Turut hadir pada program itu ialah Ketua Pengarah FAMA, Zainal Abidin Yang Razalli.

Terdahulu, Latheefa bersama Zainal Abidin dan Ishaq meluangkan masa melawat gerai di Pasar Tani Seksyen 13 malah turut menyertai aktiviti lelongan *happy hour* jualan ayam dan buah-buahan selain beramah mesra bersama pengunjung yang hadir.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2019	BERITA HARIAN	NASIONAL	18



Salahuddin Ayub

MOA fokus usaha modenisasi, tambah peluang kerja

Pontian: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) akan menggunakan sebahagian besar peruntukan yang ditingkatkan kerajaan dalam Belanjawan 2020 bagi modenisasi sektor pertanian.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub, berkata fokus untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam sektor pertanian turut menjadi agenda utama kementeriannya.

"Kita akan fokuskan kepada beberapa program yang mampu meningkatkan pendapatan petani seperti modenisasi di mana kita akan tingkatkan kajian berkaitan benih yang lebih bermutu.

"Kita juga akan memfokuskan terhadap penggunaan teknologi moden seperti *artificial intelligent* (AI) selain memastikan wujud peluang pekerjaan dalam sektor ini bagi membantu usahawan tani keluar dari B40 dan fokus terhadap agropreneur muda kita melalui geran yang akan diberikan untuk memajukan bidang yang mereka ceburi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Kempen Penanaman Kelapa Bendah Peringkat Kebangsaan di Dewan Serbaguna Mukim Serkat di sini, semalam.

Yang turut hadir, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor, Suhaizan Kayat.

Dalam perkembangan lain, Salahuddin berkata kementeriannya komited meningkatkan pendapatan nelayan melalui penyerahan dalam bidang pertanian khususnya ketika berdepan musim tengkujuh.

Nelayan yang mempunyai tanah disaran mendapatkan bimbingan MOA untuk menceburi bidang pertanian kerana ia dapat mengurangkan kebergantungan nelayan terhadap elaun sara hidup termasuk menghadapi musim tengkujuh.

Sebanyak RM5 juta diperuntukkan MOA menerusi program Rezeki Tani yang memberi peluang keluarga daif dan miskin tegar untuk menerima bantuan berbentuk peralatan perniagaan bernilai RM10,000.

Program Rezeki Tani itu menyasarkan 600 peserta dari seluruh Semenanjung. BERNAMA

Headline	Budget allocation will be used to modernise agriculture sector — Salahuddin		
MediaTitle	The Borneo Post (www.theborneopost.com)		
Date	14 Oct 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	4
Order Rank	6	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,400
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,200

Budget allocation will be used to modernise agriculture sector — Salahuddin

PONTIAN: The Ministry of Agriculture and Agro-based Industry (MoA) will use a big chunk of its increased allocation as announced during the tabling of the 2020 Budget to modernise the agriculture sector. Its Minister Datuk Salahuddin Ayub said efforts to...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Budget allocation will be used to modernise agriculture sector—Salahuddin		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	14 Oct 2019	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	5	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	314 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,282
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 12,845



Budget allocation will be used to modernise agriculture sector — Salahuddin

PONTIAN: The Ministry of Agriculture and Agro-based Industry (MoA) will use a big chunk of its increased allocation as announced during the tabling of the 2020 Budget to modernise the agriculture sector.

Its Minister Datuk Salahuddin Ayub said efforts to create more job opportunities in the agriculture sector would be his ministry's main agenda.

"We will focus on several programmes that will increase our farmers' income such as modernisation where we will increase efforts in research on quality seeds.

"We will also focus on the use of modern technology such as artificial intelligence (AI) as well as ensuring that there are job opportunities in this sector to help our entrepreneurs to get out of B40 group and also focus on our young agropreneurs through grants to develop areas that they are involved in," he said.

He said this after launching the national-level coconut tree planting campaign held at the Mukim Serkat multipurpose hall here yesterday.

Also present was Johor state assembly speaker Suhaizan Kayat.

In another development, Salahuddin said his ministry was committed to increase fishermen's income through participation in agriculture



Salahuddin (centre) poses while holding up coconut during the national-level coconut tree planting campaign held at the Mukim Serkat multipurpose hall. — Bernama photo

especially during the monsoon season.

He also encouraged fishermen who owned land to seek the ministry's guidance in agriculture as it would reduce fishermen's dependence on subsistence allowances including the one allocated during the monsoon season.

"We will assist our fishermen especially during the monsoon season as we will give them opportunities to get involved in agriculture, so they will not solely depend on allowances but earn additional income," he added.

A total of RM5 million was allocated by the ministry

through 'Rezeki Tani' programme which provided the poor and hardcore poor families the opportunity to receive up to RM10,000 in the form of business equipment.

The 'Rezeki Tani' programme aims to reach 500 participants from across the peninsula. — Bernama

Headline	Salahuddin : Cabinet agrees allocating RM14.5 million for upgrading project in Tanjung Piai		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	14 Oct 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	6	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	267 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,091
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,273



(北干那那13日讯)农业及农基工业部长拿督斯里沙拉胡丁今日接连出席3项在笨珍县举办的活动,他在活动上向出席者保证,内阁已同意拨出1450万令吉,以落实已故丹绒比艾国会议员拿督威拉法力拉克非克生前所承诺的各项计划。

该3项活动是:在丹绒比艾多元用途礼堂举行的丹绒比艾区渔民生活津贴移交仪式、在龟咯实叻角(Serkat)区乡长中心举行的农业及农基工业部社区日兼全国椰子种植活动推介礼、在北干那那东姑依布拉欣依斯迈礼堂举行的大马农业研究与发展局社区日。

官员主动寻贫困农渔民援助

沙拉胡丁在活动后的新闻发布会上说,他已指示农业部辖下各机构官员,主动地深入渔民和农民社区寻找贫穷人士,并给予他们各种援助。

他表示,该部有一项称为“农业收入”的计划,可以通过提供器材、培训等方式,增加渔民和农民的收入,甚至协助他们成为企业家。

他说,若渔民或农民的妻子在家制作糕饼、零食等,他们可向该部申请器材以增加产量,官员也会在从旁协助他们,包括提供培训等。

“若渔民拥有土地,我们也鼓励他们种植蔬果,并在收成后出售,这不但可提高家庭收入,渔民因季风无法出海捕鱼时,也能减轻他们的负担。没有土地的渔民,官员也可以安排他们的家庭成员到工厂等地方工作。”

落實法力承諾提升工程 農長：內閣允撥1450萬



沙拉胡丁(左二)为大马农业研究与发展局社区日开幕后,在参观档位时拿起一份“哆哆糕”(Kuih Dodol)测试其黏度。

拉沙胡丁说,该部为上述计划准备了500万令吉的拨款,每名符合并成功申请者可获得相关器材,以展开或扩大他们的营生。

“我们的目标是协助500人,柔佛州占50人,丹绒比艾区有4人已获批,3人等待获批。”

雨季发浅海捕鱼临时执照

针对渔民在雨季无法出海捕鱼的问题,他表示该部会在雨季期间,发出临时执照给渔民在靠近海边的海域捕鱼,减

轻他们的负担,而该执照有效期是3个月。

有关丹绒比艾人造岛工程影响渔民的问题,他指有关问题属于州政府的权限,他的角色是向州政府传达有关问题。

出席者包括农业及农基工业部副秘书长拿督沙林、渔业发展局总监嘉玛鲁丁和主席莫

哈末法依兹、马来西亚洋灰及烟草协会主席旺阿都拉欣、马来西亚渔民协会主席阿都哈密、柔南区渔民协会主席阿兹里和北干那那州议员杨敦祥等。

Headline	Agriculture minister: Grants focus on agricultural modernisation		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	14 Oct 2019	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A2	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	369 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,642
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,925



沙拉胡丁（右四）移交 8 万 400 令吉渔民生活津贴模型支票，给柔南渔民协会主席阿兹里（左四）。

农长：助农民提高收入 拨款着重农业现代化

（笨珍 13 日讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁表示，2020 年财政预算案新增拨款的大部分款项，将用作现代化农业领域。

他说，该部也将致力为农业领域，创造更多就业机会。他表示，该部将着重在数项计划，协助投入与研究现代化种植技术以提升农产品品质的农民，提高他们的收入。

他补充，该部也会协助使用人工智能等现代化科技，以及为农业领域

制作就业机会给 B40 低收入群的企业家。

“同时，我们也会照顾年轻的农业企业家，包括发放辅助金，协助他们开发所参与的领域。”

他为全国椰树种植运动主持开幕时这么说。与会者有柔州议长苏海山。

季候风期渔民可务农

谈到渔业领域，沙拉胡丁说，农业部可协助渔民在进入季候风期间，让他们参与农业，维持收入。

他鼓励渔民寻求农业部的指导与协助，租下土地投入农业获取额外收入，这可以减少渔民对政府发放生活津贴的依赖，包括季候风时发放的一次性生活津贴援助。

该部有一笔 500 万令吉拨款，是用作推动“农民生计”计划，供贫穷与赤贫家庭有机会申请达 1 万令吉器材，开展生意。“农民生计”目标是协助西马半岛的 500 名参与者。

Headline	Tamjong Piai fishermen complaints of sea reclamation		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	14 Oct 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A33	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	390 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,840
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,520



丹绒比艾渔民投诉 填海打击渔获

笨珍13日讯 | 丹绒比艾渔民投诉当地水域填海工程影响海洋生态，导致渔获减少，农业及农基工业部长拿督斯里沙拉胡丁阿育表示，据他了解，上述填海工程是为了建造人工岛，基于土地事务属于柔州权限，他会向柔州政府反映此事。

他说，由于上述填海工程已经影响了当地环境和海洋生态，值得关注，他会向柔州政府转达渔民的心声和影响渔获的投诉。

至于建设人工岛导致海洋生态改变之事，沙拉胡丁阿育承诺，将会召集多个部门进行讨论，包括能源、科技、科学、气候变化与环境部、水源、土地及天然资源部等。

沙拉胡丁阿育今日上午在丹绒比艾综合礼堂颁发渔民生活援助金后，召开新闻发布会，如是表示。出席者包括农业及农基工业部副秘书长拿督沙林峇兰、大马渔业发展局主席莫哈末法依兹、大马渔业发展局总监嘉玛鲁丁及民主行动党北干那那州议员杨敦祥等。

沙拉胡丁阿育表示，《2020年财政预算案》宣布将渔民生活援助金从200令吉提高至250令



沙拉胡丁阿育（左5）颁发模拟支票给阿兹里（左4）。左2起为嘉玛鲁丁、莫哈末法依兹、沙林峇兰和杨敦祥。 -刘俊杰-

吉，协助减轻渔民负担。

拟划分柔南渔民协会

他说，除了上述援助金，该部门提供多种协助增加渔民收入，包括鼓励拥有农地的渔民进行农耕，提供1万令吉给创业的渔民购买机器设备、鼓励渔村附近的工厂聘请渔民家属工作等。

稍早前，他透露，大马渔业发展局将探讨渔民的建议，把柔南区渔民协会划分为两个协会，

以更能良好地照顾渔民的福利。

柔南渔民协会主席阿兹里受询时透露，目前该会共有2400名渔民，渔民所在地区跨越笨珍和新山县属的6个国会选区，包括丹绒比艾、新山、埔莱、巴西古当、伊斯干达公主城和地不使，单在丹绒比艾国会选区就有约600名渔民，因此希望一分为二，以便能良好地管理。

大马渔业发展局今日派发渔民生活援助金给406名渔民，总金额为8万400令吉。

Headline	Agricultural seminar on Oct 26		
MediaTitle	China Press		
Date	14 Oct 2019	Color	Full Color
Section	Central	Circulation	127,822
Page No	C4	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	349 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,884
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,653



■巴生中总举办“2019现代农业”研讨会新闻发布会，前排左起为安哈礼扎、戴良麟、莫哈末费斯及凯鲁丁。

巴生中華總商會 26日辦農業研討會

(巴生13日讯)巴生中华总商会定于10月26日早上9时至下午5时30分,在该会礼堂举办“2019现代农业”研讨会,公开给有兴趣的公众参与。

这项研讨会获雪州农业部,马来西亚农业与发展研究院(MARDI)、大马联邦农业销售局(FAMA)、马来西亚黄梨工业局、青年农民机构(Agropeneur Muda)支持。

该会秘书长兼农工业组副主席戴良麟指出,近年来,我国正大力发展农业,想进军农务发展的国人,而前是康庄的商机大

道,农业发展蓬勃,成为一个收益不俗的行业,故商会协助有意从事农务发展的年青人,了解如何开启发展农耕之路。

分數部分講解

研讨会分为数个部分讲解,包括现代化种植黄梨、椰子、榴槤、蔬菜、如何进军农务行业,现代农业科技,农业产品行销、城市农耕业,促销农产品等,因此,不论志在经商,种植兴趣,抑或有意扩充发展农务者,都会从讲座会中,获得各种信

息。

他说,研讨会获五个政府单位支持,参与者也可了解时下农务发展概况,包括政府致力推广种植的农产品,时下市场需求营销等资讯,此外,大会也邀请务农者分享其成功理念。

出席者包括雪州农业销售局(FAMA)高级助理董事凯鲁丁、雪州农业与发展研究院(MARDI)副董事莫哈末费斯、雪州黄梨工业局董事局副董事安哈礼扎等。

讲座会报名费,会员50令吉,非会员80令吉,包含午餐及茶点。

有兴趣者,请联络巴生中华总商会秘书处,电话:03-3358 7851,电邮 klang.ccci@gmail.com。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2019	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI PAHANG	30

APMM tahan empat bot nelayan asing

KUANTAN - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menahan empat buah bot nelayan asing kerana mencero-boh dan melakukan aktiviti menangkap ikan di Perairan Maritim Negeri Pahang semalam.

Bot terbabit bersama 44 awak-awak dan empat tekong warga Vietnam berusia 17 hingga 51 tahun itu ditahan pada jam 1 tengah hari kira-kira 74 batu nautika dari Kuantan.

Pengarah Maritim Pahang, Laksamana Muda Maritim, Datuk Zulkarnain Mohd Omar berkata, dua daripada bot nelayan tersebut disyaki menggunakan nombor pendaftaran tempatan manakala dua lagi menggunakan nombor pendaftaran asing dipercayai dari Vietnam.

Menurutnya, ketika ditahan bot terbabit membawa hasil tangkapan ikan campur dan hasil laut dengan anggaran berat keseluruhan kira-kira 3.4 tan.

"Nilai keseluruhan barang rampasan termasuk



Bot nelayan asing yang ditahan APMM Pahang semalam selepas dikesan mencero-boh dan menangkap ikan dalam perairan negeri Pahang.

bot dianggarkan hampir RM4 juta.

"Bot bersama nelayan asing yang ditahan diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk siasatan lanjut di bawah Akta Imigresen 1959/63 kerana tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah dan Akta Perikanan 1985 kerana memasuki dan menangkap ikan di kawasan perairan Malaysia tanpa kebenaran," katanya.

Zulkarnain berkata, jika disabitkan kesalahan kese-

mua tekong berdepan hukuman denda tidak melebihi RM1 juta setiap seorang atau penjara tidak melebihi tiga tahun.

"Bagi awak-awak, mereka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 setiap seorang atau penjara tidak melebihi dua tahun," katanya.

Beliau berkata, sehingga hari ini Maritim Negeri Pahang telah melakukan 740 pemeriksaan dan 59 tangkapan melibatkan pelbagai kesalahan.

Headline	Potensi bintang mas		
MediaTitle	Head Topics (headtopics.com/my)		
Date	14 Oct 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	7	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 900
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,700

Potensi bintang mas

INSTITUT Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) sentiasa melakukan pembaik bakaan bagi meningkatkan kualiti baik segi rasa dan estetik buah dalam usaha mengembangkan pasaran eksport negara. xpresi Berbanding buah tropika lain seperti mangga...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	MARDI hasrat jadikan Johor hab pengeluaran produk klon berkualiti		
MediaTitle	Astro Awani (www.astroawani.com)		
Date	14 Oct 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	4
Order Rank	7	Readership	4
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,200
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,600

MARDI hasrat jadikan Johor hab pengeluaran produk klon berkualiti

PONTIAN : Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) berhasrat mahu menjadikan negeri ini sebagai hab pengeluaran produk pertanian klon bermutu tinggi di negara ini. Pengarah MARDI Negeri Johor Dr Johari Sarip berkata antara produk klo...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2019	HARIAN METRO	BISNES	29

F&N ceburi bidang pertanian, tenusu

Kuala Lumpur: Fraser & Neave Holdings Bhd (F&N) menceburi bidang pertanian dan tenusu susulan daripada cadangan pengambilalihan baki hak pajakan Ladang Chuping di Perlis.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Lim Yew Hoe berkata, usaha itu akan membolehkan syarikat meneroka pengeluaran hulu susu segar bagi menyokong pengeluaran hiliran sedia ada dan pengedaran produk susu segar.

“Cadangan pengambilalihan Ladang Chuping itu bertujuan untuk menyediakan ladang pertanian dan tenusu bersepadu pertama di negara ini, yang juga langkah penting dalam industri pertanian dan tenusu.

“Dengan peningkatan kecapan penghasilan susu segar, negara akan kurang bergantung kepada import susu bagi memenuhi keperluan nutrisi rakyat Malaysia,” katanya.

Lim berkata, cadangan



LIM

projek itu akan mengurangkan pendedahan F&N kepada turun naik tukaran asing, aliran keluar mata wang daripada negara dan ketidakpastian dalam pengimportan susu segar dan makanan, sambil mencapai kawalan berkaitan kualiti susu.

Tanah besar di Ladang Chuping akan membolehkan syarikat itu menggunakan model pertanian komersial mekanisme tinggi, menggunakan teknologi pertanian terbaik dan terkini dari seluruh dunia, katanya.

Penempatan tepi pantai ditelan ombak

Faktor semula jadi, tiupan angin monsun antara punca hakisan terus berlaku

Eksklusif

Oleh Hanneeyzah Bahar Baharin, Nor Fazlita Abdul Rahim, Badrul Kamal Zakaria, Nor Amalina Alias, Jamah Nasri dan Hassan Omar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Masalah hakisan pantai di Semenanjung berterusan biarpun pelbagai usaha membatikan belanja berbilion ringgit sudah diambil pihak berkuasa untuk membendungnya sejak beberapa tahun lalu.

Faktor semula jadi seperti bentuk muka bumi Semenanjung yang terdedah kepada lautan luas dan tiupan angin monsun yang menyebabkan ombak besar serta pembangunan tidak mesra alam di kawasan pantai menyebabkan masalah hakisan pantai ini terus berlaku.

Setiap tahun, beberapa meter kawasan pantai akan terhakis ke dalam laut akibat ombak besar yang tidak henti membadai.

Tinjauan *BH* mendapati beberapa kawasan pantai, terutama di Pantai Timur, mengalami hakisan yang begitu teruk hingga akan ada penempatan penduduk yang sudah ditejan ombak.

Malah, ada rumah penduduk di penempatan tepi pantai dimasuki limpahan air laut setiap kali waktu air pasang, terutama pada waktu malam.

Paling terkesan ialah kawasan pantai sekitar Bachok, Kelantan, dengan kira-kira 2,500 penduduk Kampung Kemayan dan kawasan sekitar kini berdepan kerosakan dan kehilangan rumah susulan ombak yang terus menganas.

Ada kawasan pantai di kawasan itu yang pada suatu masa dulu terdapat banyak rumah penduduk tetapi kini yang tinggal hanya kawasan laut yang terus menghakis ke darat.

Di Terengganu, antara kawasan yang paling kritikal ialah Seberang Takir, Pok Nong serta

Mengabang Telipot di Kuala Nerus; Pantai Sura di Dungun; dan Pantai Geliga di Kemaman.

Walaupun 'benteng pemecah ombak dan tambakan batu (pulau) sudah dibina Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di beberapa kampung di Kuala Nerus yang sebelum ini mengalami hakisan teruk, penduduk masih bimbang diancam badai, terutama menjelang musim tengkujuh bulan depan.

Benteng pemecah ombak yang dibina tidak begitu berkesan dalam menangani masalah hakisan pantai.

Malah, keadaan menjadi lebih buruk apabila ada benteng mendap dan menghakis pasir yang ditimbun di situ.

Masalah hakisan pantai turut berlaku di beberapa kawasan di Pantai Barat biarpun tidak seburuk Pantai Timur.

Penduduk di Kampung Seri Menanti, Muar, Johor, misalnya hidup dalam keresahan apabila benteng laut di kawasan pantai mulai runtuh akibat hakisan laut yang semakin kritikal.

Keadaan itu menyebabkan penduduk tidak berani untuk mengikut laluan benteng berikutan bahagian tebing yang sudah runtuh dihakis gelombang laut.

Mereka juga bimbang benteng yang menjadi penampungan antara laut dan perit pecah hingga menyebabkan air masin memasuki ke bahagian hulu hingga boleh mengganggu aktiviti pertanian di sebelah daratan.

Habitat hidupan liar juga terancam apabila beberapa pohon semula jadi seperti pokok baka turut tumbang akibat hakisan.

Kuala jeli nelayan di situ turut mengalami masalah apabila dasarnya dimasuki lumpur dan menjadi cetek hingga menyukarkan bot untuk keluar ke laut.

Di Melaka, hakisan teruk dikesan berlaku di Pantai Puteri, Tanjung Kling, di daerah Melaka Tengah dan sepanjang



Tanjung Bidara hingga Kuala Linggi di daerah Alor Gajah, sejak Julai lalu berikutan tiupan kencang angin selatan yang menyebabkan ombak besar membadai pantai.

Malah, ada penduduk di Kampung Balik Batu, Tanjung Bidara, dikejutkan dari tidur oleh dentuman kuat apabila dapur rumah mereka roboh dihentam ombak besar.

Masalah hakisan di Pantai Puteri pula dikesan sudah berlarutan sejak lima tahun lalu berikutan kekurangan benteng pemecah ombak yang dibina di pantai berkenaan.

Ombak besar yang menghakis Pantai Puteri sepanjang kira-kira lima kilometer dari Kampung Hailam hingga Pantai Tanah Me-

rah, menyebabkan lebih 20 pokok rhu tumbang.

Keadaan ini menyebabkan struktur pasir di pantai itu semakin longgar dan mengurangkan kawasan perkelahan pelancong, selain menjejaskan menyebabkan pangkalan nelayan.

Hakisan pantai jika tidak ditangani dengan bijak akan terus mencetuskan masalah kepada penduduk di kawasan itu. Usaha mengurangkan kesan hakisan pantai perlu dilaksanakan secara terancang dan bersepadu.

Jika tidak segala perbelanjaan besar mencecah berbilion ringgit akan menjadi sia-sia kerana ombak laut akan terus membadai dan menghakis setiap sentimeter pantai yang mungkin setiap hari.



Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Sembilan, Abu Bakar Dawam menunjukkan saluran air terjejas akibat hakisan di Pangkalan Nelayan Batu 7, Telok Kemang, Port Dickson.
(Foto Jqmal Haqim Rosman/BH)



Antara tempat hakisan yang ditambak di Pantai Kampung Telipot, Kuala Nerus, Terengganu. (Foto Rozainah Zakaria/BH)



Nelayan, Othman Ibrahim meninjau keadaan pantai penangkapan nelayan yang tercap.



Penduduk guna tayar lama sebagai benteng ombak. (Foto Hassan Omar/BH)

Guni pasir, tayar jadi benteng hakisan

Kuala Lumpur: Kira-kira 2,500 penduduk Kampung Kemayan dan kawasan sekitar Bachok, Kelantan, berdepan kerosakan rumah dan kehilangan kediaman susulan masalah hakisan pantai sejak 10 tahun lalu.

Lebih menyedihkan, kawasan itu seperti hanya menunggu masa untuk lenyap ditelan ombak apabila sebahagian kawasan pantai sejauh hampir 500 meter sudah terhakis.

Penduduk, Ramlah Omar, 55, berkata antara kawasan terjejas teruk ialah kawasan rumah yang didiami bersama suami, Mat Amin Abdullah, 55, serta empat anak mereka.

Ketika mereka menduduki kampung itu, terdapat 20 rumah berada berdekatan pantai tetapi kini hanya tinggal dua rumah, termasuk rumahnya yang turut dijadikan kedai makan.

"Saya masih ingat ada tujuh rumah di depan kedai saya tetapi kini kawasan itu sudah menjadi laut. Sebahagian penduduk memilih untuk berpindah ke tempat lain.

"Kami nak tinggalkan tempat ini rasa sayang kerana rumah ini satu-satunya peninggalan keluarga suami, tambahan pula kedai makan inilah punca rezeki kami," katanya ketika ditemui BH.

Ramlah berkata, paling ditakuti penduduk adalah musim tengkujuh antara November hingga Disember kerana kawasan itu

turut dilanda banjir.

"Kami juga risau setiap kali air pasang jam 7 petang hingga 10 malam kerana kadang-kadang air laut masuk hingga ke dalam kedai dan rumah," katanya.

Penduduk, Mat Zemi Mohamad, 50, pula berkata dia pernah bekerja memunggah batu pemecah ombak di Pantai Kemayan pada 1988 bagi mengekang masalah hakisan di situ.

Namun, katanya, masalah hakisan semakin teruk di kawasan itu yang memberi risiko kepada lebih 500 keluarga kampung itu dan 13 kedai makan di situ.

"Sepatutnya benteng dibuat dari Pantai Kemayan hingga ke Pantai Senok dalam lingkungan dua kilometer supaya masalah hakisan di sini dapat diatasi," katanya.

Di Kampung Balik Batu, Tanjung Bidara, Melaka, Azlan Idris, 58, dan tujuh ahli keluarganya terpaksa lari menyelamatkan diri apabila dapur rumah mereka roboh dipukul ombak besar ketika air pasang penuh.

"Kami amat takut apabila terdengar dentuman kuat dari arah dapur dan bergegas keluar rumah dalam keadaan mengantuk kerana ketika kejadian, kami baru masuk tidur," kata Azlan.

Menceritakan kejadian jam 11 malam pada 17 Ogos lalu itu, Azlan berkata isteri, dua anak perempuan, seorang menantu lelaki serta tiga cucunya sudah tidur apabila dia tiba-tiba terdengar

dentuman kuat dari arah dapur.

"Saya terus mengejutkan isteri dan ahli keluarga lain sebelum mengarahkan mereka lari keluar rumah kerana bimbang dapur yang sudah roboh akan merebak ke ruang tamu dan bilik," katanya.

Nelayan itu berkata, masalah hakisan pantai sejak awal Ogos lalu semakin serius berikutan angin selatan yang bertiup sejak awal Julai lalu, sekali gus mengancam kediamannya dan empat rumah jirannya.

Jirannya, Aisyah Abdul Ghani, 52, berkata dia dan suami, Abdul Rahman Daud, 59, serta dua anak lelaki berusia 16 dan 21 tahun bimbang kerana air laut sudah hampir mengena lantai dan dinding dapur.

Bagi mengurangkan kesan hakisan, anaknya Mohd Fadzrin, 21, terpaksa membina benteng guni pasir di bahagian belakang kediaman mereka.

Di Kampung Tengah, Kuala Sungai Baru, dekat Alor Gajah, pesara polis, Mohd Satar Maarof, 65, pula tetap gigih membina benteng guni pasir dan tayar terpakai untuk menyelamatkan kediamannya.

Biar pun pernah diserang sakit jantung pada 2017 dan menjalani prosedur angioplasti di Institut Jantung Negara (IJN), Mohd Satar dan isteri, Latifah Aziz, 64, tidak mempunyai pilihan selain membina benteng berkenaan.

Penduduk di Kampung Seri Menanti, Muar, Johor, juga resah apabila benteng laut sepanjang

setu kilometer di kawasan pantai itu mulai runtuh akibat hakisan laut yang semakin kritikal.

Muhamad Padang, 71, berkata keadaan itu menyebabkan penduduk tidak berani untuk melalui benteng itu kerana banyak bahagian tebing yang runtuh.

Mereka juga bimbang benteng yang menjadi penampungan antara laut dan parit pecah hingga menyebabkan air masin memasuki ke bahagian hulu hingga boleh mengganggu aktiviti pertanian di sebelah daratan.

"Ini menyebabkan laluan antara jeli nelayan ke arah Parit Bulat yang juga laluan alternatif penduduk kini hanya dapat dilalui oleh motosikal. Jika keadaan ini tidak diatasi segera, kemungkinan besar motosikal pun tidak boleh melaluinya lagi," katanya.

Seorang lagi penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Samadi berkata, kawasan pertanian di kawasan itu akan terjejas jika masalah hakisan itu tidak diselesaikan secepat mungkin.

"Hakisan pada benteng ini dikhuatiri menyebabkan ia putus dan membolehkan air laut masuk ke dalam parit dan menyebabkan tanaman seperti kelapa sawit dan buah-buahan musnah.

"Parit ini juga berfungsi sebagai saluran air dari kawasan di sebelah hulu. Jika benteng ini pecah dan menutup saluran air, kita bimbang ia boleh menyebabkan banjir," katanya.



Abdul Rahman menyusun guni pasir di belakang rumahnya di Kampung Balik Batu, Tanjung Bidara, Melaka. (Foto Jamah Nasri/BH)

Reaksi penduduk



Kami amat takut apabila terdengar dentuman kuat dari arah dapur dan bergegas keluar rumah.

Azlan Idris, Penduduk



Jika keadaan ini tidak diatasi segera, kemungkinan besar motosikal pun tidak boleh melaluinya.

Muhamad Padang, Penduduk